



WAKAF KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH

Rm pendekaran: **RM5,000,000**

Zonanya Mampu: **220 orang** (termasuk dan Aswad)

JON BERWAKAF

Lembaga Wakaf Universiti
Universiti Malaysia Perlis



GENERAL

Semangat patriotik dan bekalan ilmu Pegawai Kadet Kor SISPA siap sedia

12 November 2021

Disediakan oleh: Mimi Rabita Abdul Wahit Daripada Unit Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor

PAYA BESAR, 7 November 2021 - Semangat patriotik dan bekalan ilmu yang dipelajari memberi keyakinan buat pegawai kadet Universiti Malaysia Pahang (UMP), Siti Nuratiqah Syafiqah Muhamad Haslizan untuk terus bersiap sedia berkhidmat menyumbang bakti buat masyarakat dan negara.

Beliau merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri yang dinobatkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik UMP bersempena Majlis Pentaulahan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-12 Tahun 2021 baru-baru ini.

Berasal dari Kuantan, anak kedua daripada enam beradik ini mula menyertai badan beruniform sejak di awal persekolahan dengan menyertai Kadet Polis.

Meneruskan minat ini, beliau menyertai Kor Sispas setelah menyambung pengajian diploma di UniKL Melaka sebelum meneruskan pengajian di UMP.

Katanya, banyak ilmu yang dipelajari bukan sahaja dalam kehidupan seharian malahan dapat membantu insan lain terutamanya mengenai ilmu pertolongan cemas seperti *Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)* yang boleh menyelamatkan nyawa dengan membantu penerusan bekalan oksigen ke otak sehingga pesakit diberikan rawatan yang lebih spesifik.

Siti Nuratiqah berkongsi kisah sewaktu menyelamatkan anak saudaranya yang mengalami insiden tercekik makanan dan dengan ilmu yang diperoleh dalam kursus yang dihadirinya berjaya membantu orang lain.

Ujarnya, bagi segelintir orang, tercekik bukanlah perkara besar yang perlu diambil perhatian, malah dianggap berlaku disebabkan kecuaian semata-mata.

“Namun sedar atau tidak, tercekik sebenarnya boleh membawa maut dalam sekilip mata,” ujarnya.

“Tidak dapat dinafikan bahawa saya dan rakan-rakan Kor Sispas yang lain perlu sentiasa peka dan responsif kepada bencana dan kecemasan terutamanya ketika berdepan situasi cemas termasuk kebakaran, kemalangan atau saat sukar.

Sepanjang penyertaannya dalam Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) UMP, beliau banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti anjuran Kor SISPA.

Antaranya ialah Pascabanjir di Alor Gajah, Melaka dan menjadi Ahli Jawatankuasa (AJK) Mesyuarat Anjutan Kor Sispas.

Selain itu, beliau juga merupakan Ketua AJK Penginapan, Jemputan dan Jamuan Majlis Pentaulahan Kor Sispas Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 Tahun 2021.

Sementara itu, Farina Wan Adnan yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kejuruteraan Kimia (Teknologi) UMP turut berkongsi pengalamannya sewaktu menjalankan

tanggungjawab sebagai Ketua Sekretariat di peringkat universiti bagi membantu dalam memastikan majlis pentauliahan yang menyaksikan UMP sebagai tuan rumah berjalan lancar baru-baru.

Farina yang telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda sejak tiga tahun sewaktu mengikuti pengajian diploma di UniKL memilih untuk meneruskan penglibatan dalam SISPA di UMP.

“Banyak peluang dan pengalaman kepimpinan dapat dipelajari dalam membentuk keperibadian pelajar terutamanya ketika berkomunikasi dengan pelbagai pihak,” katanya yang berkongsi pengalaman mengurus acara di peringkat kebangsaan.

Namun demikian, segala cabaran ini berjaya dihadapi dengan tenang hasil sokongan komandan Kor SISPA, pegawai universiti dan APM.

Nasihatnya, pencapaian dalam akademik, sikap amanah, berani dan kekuatan diri menjadi teras jati diri untuk membangunkan keupayaan kepimpinan dalam apa jua bidang yang diceburi.

Bagi Pegawai Kadet Terbaik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Mohammad Firdaus Zolkefle yang mengambil bidang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab dengan Kepujian, sepanjang penyertaan beliau dalam Kor SISPA banyak memberi peluang buatnya melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Kor SISPA dan aktiviti anjuran universiti.

Manakala dari segi kepimpinan pula, beliau dilantik sebagai Jawatankuasa Program Asosiasi Kor SISPA UniSZA bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Langkawi pada tahun 2020.

Beliau juga turut menyandang jawatan sebagai pengarah Kor SISPA atau Yang di-Pertua (YDP) Kor SISPA UniSZA.

Seramai 19 Pegawai Kadet Kor SISPA terbaik diumum bersempena Majlis Pentauliahan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sisp) Peringkat Kebangsaan Kali ke-12 Tahun 2021 anjuran UMP dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang berlangsung di Dewan Astaka UMP.

Ia melibatkan seramai 870 Pegawai Kadet Kor SISPA menerima pentauliahan sebagai Leftenan Muda (PA).

TAGS / KEYWORDS

[Kor SISPA](#)

[APM](#)